# LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK)
# KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2022

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang **menjalankan operasi perniagaan di Negeri Kedah** (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK bagi Tahun 2021**) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih berkuatkuasa dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi kerja-kerja berikut:

## Maklumat Sebut Harga

| NO SEBUT HARGA | BUTIR-BUTIR TAWARAN | TARAF/PENDAFTARAN CIDB/PKK/SPKK | HARGA DOKUMEN | TAKLIMAT | TARIKH DAN WAKTU TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|
| **LZNK/SH/ 12/2022** | **SEBUT HARGA KERJA-KERJA MENAIKTARAF SILING, SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DAN BIDAI TINGKAP ARAS 6,7& 8 MENARA ZAKAT SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN UNTUK LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN** | **CIDB – GRED G2**<br><br>**PENGKHUSUSAN**<br><br>**B28**<br><br>**(KERJA-KERJA UBAHSUAI)** | **RM50.00**<br><br>Dokumen Sebut Harga boleh dirujuk mulai<br><br>**14 SEP 2022 (RABU)** | **14 SEP 2022 (RABU) 3.00 PETANG**<br><br>**BILIK SEMINAR 1, ARAS 1, MENARA ZAKAT** | **20 SEP 2022 (SELASA)**<br><br>**12.00 TENGAH HARI** |

## Tempat Serahan Dokumen Tawaran

| **Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman** | **Tarikh Tutup dan Masa :** |
|---|---|
| Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah,<br>05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.<br>No Tel: 04-7331740 | **20 SEPTEMBER 2022 (SELASA) SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI** |

i. Semua kontraktor **DIWAJIBKAN HADIR** ke sesi taklimat pada **14 SEP 2022 (RABU)** bertempat di **BILIK SEMINAR 1, ARAS 1, MENARA ZAKAT**pada jam **3.00 PETANG.**

ii. Hanya **KONTRAKTOR (G2)** yang berdaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan untuk mengikuti sesi taklimat sebut harga.

iii. Kontraktor dikehendaki membawa Kad Pengenalan, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pendaftaran CIDB ASAL yang masih sah tempoh lakunya semasa taklimat tersebut. Hanya pemilik/penama di dalam PKK/SPKK sahaja dibenarkan hadir untuk taklimat. **WAKIL SELAIN PEMILIK/PENAMA** di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

iv. Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan kontraktor tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.

v. Dokumen Sebut Harga akan dijual kepada kontraktor yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.

vi. Dokumen Sebut Harga akan dijual secara atas talian kepada kontraktor yang mengikuti sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.

vii. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.

viii. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman **http://www.zakatkedah.com.my**

ix. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

x. Kontraktor yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:

Bahagian Pembangunan Dan Penyelenggaraan (Teknikal) : – 04-7331740 ext. **205 /204**
Pegawai Perolehan (Dokumen Sebut Harga : – 04-7331740 ext. **265** / **019-4941740**